



TEKS PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PROGRAM

FORUM KONSULTATIF PEMERKASAAN LELAKI

LOKASI / TARIKH / MASA

**PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC),
PUTRAJAYA**

02 JULAI 2026 (KHAMIS) / JAM 11.00 PAGI

Kemas kini 1 Julai 2026

Bismillahir Rahmanir Rahim

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Kekeluargaan dan Salam
Malaysia Madani.***

(SALUTASI)

A. PENDAHULUAN

1. *Alhamdulillah*, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk hadir ke Forum Konsultatif Pemerkasaan Lelaki, pada hari ini. Pada **28 Jun 2028** yang lalu, kita baharu sahaja melaksanakan Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan dengan tema **"Sehebat KASIH Bapa"**. Jadi, tahniah saya ucapkan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan

Keluarga Negara (LPPKN), kerana merealisasikan penganjan program yang sangat bermakna ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

- 2. Komitmen Kerajaan dalam memperkukuh institusi keluarga sebagai asas kemakmuran negara adalah menerusi Dasar KASIH Keluarga Negara dan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara. Selaras dengan itu, usaha memperkasa golongan lelaki terus diperkukuh**

agar mereka mampu melaksanakan peranan sebagai pemimpin keluarga, pembimbing, pelindung dan pendidik yang berkesan, sekali gus menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang inklusif, harmoni dan berdaya tahan.

B. FORUM KONSULTATIF SEBAGAI PLATFORM PEMBINAAN SOLUSI

- 3. Forum Konsultatif Pemerkasaan Lelaki dirangka sebagai platform strategik untuk menghimpunkan**

pandangan, pengalaman dan cadangan daripada pelbagai pihak berkepentingan mengenai cabaran yang dihadapi oleh golongan lelaki masa kini. Melalui pendekatan *Public–Private–People Partnership*, forum ini diharap dapat mengenal pasti isu-isu kritikal, berkongsi amalan terbaik serta memperkuat jaringan kerjasama rentas sektor bagi merangka inisiatif pemerkasaan lelaki yang lebih menyeluruh, responsif dan berimpak tinggi.

4. **Segala dapatan dan syor daripada forum ini akan menjadi input penting dalam penggubalan dasar serta pembangunan program berasaskan bukti (*evidence-based policy*) bagi agenda pemerkasaan lelaki di Malaysia. Malah, forum ini turut menjadi pemangkin kepada pelaksanaan Kajian Lelaki Budiman Negara di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) yang akan bermula pada Julai ini selama 18 bulan. Kajian ini bertujuan untuk membantu kita merangka inisiatif Lelaki Budiman**

Negara, demi melahirkan golongan lelaki yang berdaya tahan, bertanggungjawab dan mampu menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan keluarga serta pembangunan negara.

C. PEMERKASAAN LELAKI BERTERASKAN NILAI KASIH

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

- 5. Pemerkasaan lelaki perlu dilihat dalam kerangka yang lebih menyeluruh, bukan sekadar dari aspek kepimpinan atau ekonomi, tetapi merangkumi**

kekuatan jiwa, kestabilan emosi, kematangan pemikiran serta kemampuan memikul amanah dengan penuh tanggungjawab. Dalam usaha ini, nilai KASIH iaitu Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu serta Harmoni perlu dijadikan asas pembentukan Lelaki Budiman dalam masyarakat MADANI.

- 6. Pada masa yang sama, pemerkasaan lelaki perlu berteraskan prinsip kehormatan gender, iaitu budaya saling menghormati, menghargai dan memuliakan maruah setiap insan. Lelaki budiman bukanlah lelaki**

yang mendominasi, sebaliknya lelaki yang memimpin dengan hikmah, berkongsi tanggungjawab dan menghormati wanita sebagai rakan kongsi dalam membina keluarga.

D. REALITI DAN CABARAN LELAKI MASA KINI

7. Lelaki hari ini, khususnya bapa muda, berdepan dengan cabaran yang semakin kompleks. Selain kos sara hidup dan komitmen kewangan, mereka perlu mengimbangi tuntutan kerjaya dengan

tanggungjawab sebagai suami dan bapa, di samping berdepan perubahan landskap sosial dan cabaran membesarkan anak-anak dalam pengaruh media digital. Ramai juga yang bergelut untuk menyesuaikan diri sebagai ketua keluarga tanpa sokongan yang mencukupi. Cabaran-cabaran ini menuntut lelaki bukan sahaja cekal dari segi fizikal, malah mempunyai daya tahan emosi, kemahiran keibubapaan dan kesejahteraan mental yang baik.

8. Statistik menunjukkan bahawa cabaran ini tidak boleh dipandang ringan. Data Kementerian Kesihatan Malaysia merekodkan **kadar bunuh diri** dalam kalangan lelaki adalah hampir **tiga kali ganda** lebih tinggi berbanding wanita, manakala Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 melaporkan **4.6 peratus** penduduk berumur 16 tahun ke atas mengalami kemurungan, termasuk golongan lelaki.

9. Dalam masa yang sama, tekanan ekonomi terus memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga. Laporan Bank Negara Malaysia menunjukkan hutang isi rumah berada pada paras **84.3 peratus** daripada KDNK, manakala statistik perceraian meningkat **4.1 peratus** kepada **60,457 kes** pada tahun 2024. Tekanan kewangan, kegagalan mengurus nafkah serta konflik rumah tangga yang berpanjangan turut menjadi antara faktor yang menyumbang kepada keretakan institusi keluarga. Kebimbangan ini diperkuatkan lagi

dengan statistik kes keganasan rumah tangga yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia pada Januari – Disember 2025 yang mencatatkan bahawa **95% pelaku adalah lelaki** berbanding **5%** adalah wanita.

10. Justeru, pemerkasaan lelaki tidak boleh dilihat hanya daripada sudut ekonomi atau peranan sebagai pencari nafkah semata-mata. Ia perlu merangkumi pembangunan sahsiah, kesejahteraan mental dan

emosi, literasi keibubapaan, kemahiran pengurusan kewangan serta jaringan sokongan sosial yang kukuh.

E. PENUBUHAN JARINGAN PEMERKASAAN LELAKI (*MEN EMPOWERMENT NETWORK - MEN*)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Agenda pemerkasaan lelaki memerlukan komitmen dan kerjasama seluruh masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian telah mewujudkan Jaringan Pemerkasaan Lelaki (*Men Empowerment Network* –

MEN) sebagai platform strategik yang menghimpunkan agensi kerajaan, NGO, ahli akademik, profesional dan individu bagi menyelaraskan program, intervensi serta advokasi berkaitan pemerkasaan lelaki di Malaysia. Inisiatif ini telah digerakkan melalui Mesyuarat Libat Urus Pemerkasaan Lelaki pada 30 April 2026 yang menghimpunkan 18 NGO berteraskan pemerkasaan lelaki.

12. MEN bukan sekadar sebuah jaringan kerjasama, malah menjadi pemangkin kepada pembentukan Lelaki Budiman Negara. Melalui inisiatif ini, kita mahu melahirkan lebih ramai lelaki yang menghormati wanita, berkongsi tanggungjawab dalam keluarga, mengutamakan kesejahteraan mental serta menjadi suami, bapa dan pemimpin yang berintegriti.

F. PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

- 13. Pemerksaan lelaki bukan bertujuan mengangkat satu gender mengatasi yang lain, tetapi membina lelaki yang berilmu, berakhlak dan berjiwa mulia. Pemerksaan lelaki bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan. Apabila lelaki diperkasa, keluarga menjadi lebih utuh; apabila keluarga diperkukuh, masyarakat menjadi lebih teguh; dan apabila**

masyarakat bersatu, negara melangkah lebih maju. Besarlah harapan saya agar segala pandangan, resolusi dan syor yang lahir daripada forum ini diterjemahkan kepada dasar, tindakan dan perubahan yang benar-benar membawa makna.

- 14. Marilah kita bersama-sama melahirkan generasi Lelaki Budiman Negara iaitu lelaki yang bukan diukur pada gagahnya tubuh, tetapi pada luhur budinya; bukan pada tingginya suara, tetapi pada tenangnya**

jiwa; bukan pada besarnya kuasa, tetapi pada mulianya akhlak; bukan pada dirinya yang sentiasa didahulukan, tetapi pada keluarganya yang sentiasa diutamakan.

- 15. Akhir kalam, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Forum Konsultatif Pemerkasaan Lelaki.**

***Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**YB DATO' SRI HJH. NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**